



SIARAN MEDIA

LTAT UMUM PELAN STRATEGIK 2023 – 2025 (“MAMPAN25”) MENETAPKAN HALA TUJU KE ARAH MASA DEPAN YANG MAMPAN

KUALA LUMPUR, 13 JULAI 2023 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) pada hari ini telah mengumumkan Pelan Strategik 2023 – 2025 (“MAMPAN25”) yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan. Pelancaran ini menandakan hala tuju baharu bagi LTAT seiring dengan kejayaan pelaksanaan Pelan Transformasi LTAT 2019 – 2023, ke arah mencapai visi dan misi baharunya iaitu menjadi “**Kumpulan Wang Simpanan yang Mampan**”, dan “**Meningkatkan Kesejahteraan Sosio-ekonomi Para Pencarum Kami**”.

LTAT turut mengumumkan komitmennya untuk memberi dividen tahunan pada kadar yang kompetitif selaras dengan Visi dan Misi baharunya. MAMPAN25 merangkumi **4 Teras utama, 10 Sasaran, 11 Strategi dan 1 Game Changer**.

MENGENAI MAMPAN25

Teras 1: Pertumbuhan (*Growth*): Meningkatkan dana untuk mengekalkan pulangan kepada pencarum pada kadar yang kompetitif

Teras ini memberi tumpuan kepada meningkatkan prestasi pelaburan LTAT melalui peningkatan Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) kepada RM15 bilion daripada jumlah sedia ada sebanyak RM9.3 bilion¹. Di antara strateginya termasuk pengurusan pelaburan yang aktif dengan objektif pulangan sepenuhnya, meningkatkan caruman sukarela serta mengoptimumkan kos.

¹ Setakat May 2023

UNTUK EDARAN SEGERA

Teras 2: Ketahanan (*Resilience*): Menjamin masa depan dana

Sebagai usaha untuk melindungi nilai dana sepanjang masa, teras ini memfokuskan kepada memastikan sasaran Perumpukan Aset Strategik (“SAA”) dapat dicapai, termasuk aset mudah cair di tahap melebihi 60%, melalui pengimbangan semula aset dalam setiap kelas aset dan mengoptimumkan padanan aset dan liabiliti. Ini akan memastikan dana LTAT dapat memenuhi kewajibannya dan digunakan untuk pelaburan baharu yang berkualiti tinggi bagi melindungi kepentingan pencarum dalam jangka panjang. Dalam memperkukuhkan daya tahan, LTAT juga akan memulakan usaha ke arah kelestarian secara menyeluruh dengan mengambilkira pertimbangan kepada Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) dengan menggunakan sepenuhnya Piawaian Pelaburan Mampan menjelang 2025.

Teras 3: Impak (*Impact*): Meningkatkan kesejahteraan pencarum dan kakitangan

Dalam mengukuhkan sistem perlindungan sosial, teras ini memberi tumpuan kepada memperluaskan manfaat kepada para pencarum untuk memenuhi pelbagai jurang kesejahteraan sosial. Selain itu, LTAT akan memberi tumpuan kepada proses pendigitalan, menyokong inovasi serta menerima pakai amalan *Future-of-Work* untuk mewujudkan budaya kerja berprestasi tinggi.

Teras 4: Kepercayaan (*Trust*): Memperkukuhkan reputasi sebagai kumpulan wang simpanan yang dipercayai

Teras ini memberi tumpuan kepada membina imej korporat dan jenama LTAT yang positif yang akan membawa kepada indeks kepercayaan positif serta peralihan ke arah pemikiran berasaskan pengalaman pelanggan (*customer experience*) apabila menyampaikan perkhidmatan kepada para pencarum.

Empat teras ini akan bertindak sebagai prinsip panduan untuk LTAT mencapai visi dan misi baharunya dan sekiranya digabungkan akan membentuk akronim **GRIT** yang merangkumi ciri-ciri kekuatan menyeluruh LTAT.

Elemen utama MAMPAN25 adalah *Game Changer* - **Penyusunan** dan **Penyenaraian Semula Boustead** bagi membolehkan LTAT berubah sepenuhnya menjadi sebuah Kumpulan Wang Simpanan yang Mampan. *Game Changer* ini bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:

UNTUK EDARAN SEGERA

- Memperoleh semula keseluruhan kos pelaburan dalam Boustead
- Mencapai nisbah solvensi sekurang-kurangnya 100% pada setiap masa
- Mewujudkan kepelbagaian portfolio melalui pengurangan penumpuan dalam Boustead
- Meningkatkan Aset Di Bawah Pengurusan kepada RM15 bilion

Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan berkata "Pelancaran Pelan Strategik LTAT 2023-2025 memberi hala tuju jelas bagi LTAT untuk melangkah ke hadapan untuk menghadapi sebarang cabaran ekonomi, melindungi kebajikan sosial para pencarumnya sekaligus menjadi pemangkin kepada transformasi untuk menjadi sebuah kumpulan wang simpanan yang mampan. Saya mengalu-alukan hasrat LTAT untuk mengembangkan dananya kerana ini juga akan membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, selaras dengan aspirasi Kerajaan."

Ketua Eksekutif LTAT, Dato' Nazim Rahman berkata, "Pelan Strategik 2023 - 2025 ini adalah bukti ketersediaan LTAT untuk maju ke fasa pertumbuhan yang seterusnya. Kami telah mengukuhkan asas kami melalui beberapa pencapaian penting termasuk pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 yang memperuntukkan kerangka pelaburan dan tatakelola yang utuh, penghasilan pelbagai garis panduan dan dasar serta menyelesaikan pelbagai isu legasi termasuk pengambilalihan aset *Game Changer* kami iaitu Boustead. MAMPAN25 akan membawa LTAT untuk melangkah ke hadapan secara menyeluruh dan bersepadu untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan cara yang terbaik bagi memenuhi keperluan pemegang kepentingan kami."

"Visi dan misi baharu yang disokong oleh pelbagai sasaran dan strategi akan memacu LTAT ke arah prestasi kewangan yang mampan dan mewujudkan impak positif yang berpanjangan kepada pencarum iaitu anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang seterusnya akan memacu LTAT menjadi sebuah organisasi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kini kami akan memulakan pelaksanaan pelan ini dengan penuh dedikasi," tambahnya.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
13 JULAI 2023

UNTUK EDARAN SEGERA

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencaerum ATM, dengan 110,792 pencaerum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencaerum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencaerum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

Izzat Alhadjri
Pengarah
Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : www.ltat.gov.my